

UPSR tidak dimansuhkan

Oleh SADATUL MAHIRAN ROSLI

KUALA LUMPUR 19 Jan. - Kementerian Pelajaran tidak akan memansuhkan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) kerana ia masih diperlukan untuk menilai pencapaian murid sekolah rendah.

Menterinya, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein berkata, ujian itu merupakan cara untuk menilai pencapaian pembelajaran selama enam tahun di sekolah rendah termasuk keupayaan membaca, menulis dan mengira.

"Sekurang-kurangnya dengan adanya UPSR, kita dapat tengok usaha dan kedudukan pencapaian anak-anak di sekolah," katanya pada pemberita selepas menghadiri mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO di Menara Dato Onn, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), hari ini.

Ujian itu merupakan cara untuk menilai pencapaian pembelajaran selama enam tahun di sekolah rendah termasuk keupayaan membaca, menulis dan mengira

Beliau berkata demikian ketika mengulas cadangan Majlis Guru Besar Malaysia supaya kementerian memansuhkan UPSR yang disifatkan terlalu mementingkan keputusan akademik.

Yang Dipertuanya, Awang Mohamad berkata, peperiksaan itu dilihat amat membebankan apabila ibu bapa, guru dan murid terlalu fokus sehingga mengabaikan aspek pembangunan sahsiah atau sosial murid.

Menurut Hishammuddin, kementerian sentiasa terbuka untuk mendengar pandangan kerana sememangnya dalam

isu seperti ini terdapat pelbagai pihak dengan pendirian masing-masing.

"Bagaimanapun, biar kita tunggu kertas daripada pihak yang mencadangkan dan apakah alasan memansuhkannya," katanya.

Tambahnya, kementerian sebenarnya prihatin mengenai perkara itu, malah dalam Pelan Induk Pembangunan Pendidikan, ada dinyatakan bahawa penekanan kepada keterlaluan peperiksaan merupakan satu perkara yang sedang diteliti secara terperinci.

Um-20/1/2007
**HISHAMMUDDIN
TUN HUSSEIN**
Menteri Pelajaran